

# PENDIDIKAN DI SEBALIK PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ: SATU ANALISIS KANDUNGAN KITAB UTAMA HADITH

Kamarul Azmi Jasmi

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia  
qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2014). Pendidikan di Sebalik Peristiwa Israk dan Mikraj: Satu Analisis Kandungan Kitab Utama Hadith in *Jurnal Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah*, 6, 2014, pp 27-57, ISSN: 2225-4609.

## ABSTRACT

This article is the outcome of a content analysis study of nine (Sunam Tis'ah) hadith texts that are related to the Israk Mikraj event. The purposive sampling procedure is used to select the hadith; and 53 hadith have been chosen and recorded as verbatim data for analysis in Nvivo 7.0 in order to discover the theme, subthemes and other education-oriented subthemes of the Israk Mikraj incident. The findings reveal five most significant educational aspects arising from the event, with faith being the key thrust of the theme. These are followed by aspects of good deeds to be practised by Muslims, bad deeds for them to refrain from, uniqueness of Prophet Muhammad and his ummah, and finally etiquette in Islam. An educational model of the Israk Mikraj event is also formulated to serve as a guide for the Muslim Ummah.

## REFERENCES

- Abd al-Halim Mahmud. 2004. *Al-Isra' wa al-Mi'raj*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Abd al-Rahman al-Najdi. 2004. *Sahih Qissat al-Isra' wa al-Mi'raj*. Amman: al-Dar al-Uthmaniyah.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ashath al-Sajistan. T.Th. Sunan Abu Dawud. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Abu al-Majd Hark. 1991. *Al-Isra' wa al-Mi'raj: Dirasah Mawdu'iyah*. Misr: al-Dar al-Masriyah al-Lubnaniyah.
- Ahmad Abu Muslim. 2012. *Al-Isra' wa al-Mi'raj. Dirasah Hadithiyah*. <http://www.saaaid.net/b00k/open.php?cat=3&book=9685> [3 Jun 2013].
- Ahmad bin Hanbal. 1999. *Musnad Ahmad*. T.Th.: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 2000. *Al-Isra' wa al-Mi'raj wa Dhikr Ahadithuhuma wa Takhrijihaha wa Bayan Sahihaha wa Saqimiha*. Amman: Al-Maktabah al-Islamiyah.
- Ali bin Husayn al-Shahrani. 2008. *Tahqiq al-Nusus Juz'i al-Isra' wa al-Mi'raj bi al-Nabi li al-Shaykh Taqi al-Din Abu Abd Allah Muhammad bin Ali al-Husayni al-Yunayni* Riyad: Majallat Jami'ah Umm al-Qura.
- Amru Abd al-Man'am. 1993. *al-Da'if min Qissat al-Isra' wa al-Mi'raj*. T.Tp: Dar al-Sahabat li al-Turath Batanta.
- al-Bukhari, Abu Abd Allah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Ja'fi. 1987. *Sahih al-Bukhari* Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Darimi, Abu Muhammad Abd Allah bin Bahram. t.th. Sunan al-Darimi Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hajar al-Asqalani. 2002. *Al-Isra' wa al-Mi'raj*. Al-Qahirah: al-Dar al-Hadith.

Ibn Majah, Muhammad bin Yazid Abu ʿAbd Allah al-Qazwini. t.th. Sunan Ibn Majah. Bayrut: Dar al-Fikr.

Al-Maktabah al-Shamilah, versi 3.28.

Malik bin Anas. 1425H. Muwatta' Malik, t.tp.: Mu'assasat zayid bin Sultan ʿAli Nahyan.

Muhammad Sulayman. t.th. Jami' al-Fawa'id min Jami' al-Usul Majma' al-Zaiwa'id. Bayrut: Maktabah Ibn Kathir.

Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushayri al-Nisaburi. 2001. Sahih Muslim. Bayrut: al-Maktabah al-ʿAsriyah.

al-Nasa'i Ahmad bin Shu'ayb Abu ʿAbd al-Rahman. 1986. Sunan al-Nasai. Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyah.

al-Nawawi. 1983. Riyad al-Salihm. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

Nizar ʿAbd Qadir Rayyan. 2001. Ahadith al-Isra' wa al-Mi'raj ʿArad wa Tahlil. Ghazah: Majallat al-Jami'ah al-Islamiyah.

Salih ʿAbd al-Aziz bin Muhammad bin Ibrahim. 2013. Kutub al-Sunnah al-Tis'ah <http://hadith.al-islam.com/Loader.aspx?pageid=261>, [3.06.2012].

al-Suyuti Abu ʿAbd Allah. 1989. al-Isra' wa al-Mi'raj li al-Suyuti. al-Qahirah: Dar al-Hadith.

al-Tirmidhi Muhammad bin ʿIsa Abu ʿIsa al-Tirmidhi al Sulami. 1994. Sunan al-Tirmidhi Bayrut: Dar al Fikr.

**PENDIDIKAN DI SEBALIK PERISTIWA ISRAK  
DAN MIKRAJ: SATU ANALISIS KANDUNGAN  
KITAB UTAMA HADITH**

Kamarul Azmi Jasmi<sup>1</sup>

**Abstract**

*This article is the outcome of a content analysis study of nine (Sunan Tis'ah) hadith texts that are related to the Israk Mikraj event. The purposive sampling procedure is used to select the hadith; and 53 hadis have been chosen and recorded as verbatim data for analysis in Nvivo 7.0 in order to discover the theme, subthemes and other education-oriented subthemes of the Israk Mikraj incident. The findings reveal five most significant educational aspects arising from the event, with faith being the key thrust of the theme. These are followed by aspects of good deeds to be practised by Muslims, bad deeds for them to refrain from, uniqueness of Prophet Muhammad and his ummah, and finally etiquette in Islam. An educational model of the Israk Mikraj event is also formulated to serve as a guide for the Muslim ummah.*

*Keyword: Education; Israk Mikraj; Hadith.*

---

<sup>1</sup>Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, Malaysia.

### **Pengenalan**

Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan satu peristiwa besar dan bersejarah dalam kehidupan Nabi Muḥammad untuk diimani dan dipercayai serta dijadikan panduan hidup kepada umat (Muḥammad Sulaymān t.th.). Dalam artikel ini, kajian berkaitan pendidikan di sebalik peristiwa Israk dan Mikraj dilakukan dengan meneliti kepada kitab hadith sembilan (*Kutub al-Sunnah al-Tisʿah*). *Kutub al-Sunnah al-Tisʿah* adalah merujuk kepada kitab hadith utama dalam Islam (Salih ʿAbd al-Aziz, 2013) yang terdiri daripada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwud*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan Ibn Mājah*, *Sunan al-Nasāʾī*, *Musnad Aḥmad*, *Muwattaʾ Mālik*, dan *Sunan al-Dārimī*. Dalam kajian ini, kesembilan buah kitab ini dengan tahun terbitan yang dinyatakan oleh pengkaji dikaji untuk melihat aspek pendidikan dalam peristiwa Israk dan Mikraj.

### **Latar Belakang Kajian**

Banyak tulisan berkaitan dengan peristiwa Israk dan Mikraj yang telah ditulis oleh ulama Islam dan pendekatan yang digunakan juga adalah pelbagai. Kebanyakan ulama mengisahnkannya dalam bentuk penceritaan dari awal Nabi Muḥammad *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* disucikan sehinggalah disrak dan dimikrajkan, serta kembali semula ke Masjidil Haram dalam satu malam penceritaan ini disandarkan daripada pelbagai sumber al-Qurʿan dan hadith. Pendekatan ini diambil oleh al-Suyūṭī (1989), Muḥammad Sulaymān (t.th.), Abū al-Majd Ḥark (1991), ʿAbd al-Ḥalīm Maḥmūd (2004).

Ada juga kalangan ulama yang mengarang kisah Israk dan Mikraj dengan mengambil terus maksud hadith dan dikarang dalam bentuk penceritaan peristiwa tersebut mengikut rentetan cerita. Namun jika terdapat ayat al-Qurʿan yang berkaitan, maka ayat tersebut dipetik untuk mengukuhkan penceritaan. Pendekatan ini diambil oleh ʿAbd al-Raḥman al-Najdī (2004).

Terdapat juga ulama yang mengarang dan menyusun kitab huraian kepada kitab asal. Antara pendekatan yang diambil oleh °Alī bin Ḥusayn al-Shahrānī (2008). Beliau mengarang dan menyusun Kitab *Tahqīq al-Nuṣūṣ Juz'ī fī al-Isrā' wa al-Mī'rāj bi al-Nabī li al-Shaykh Taqī al-Dīn Abū °Abd Allah Muḥammad bin °Alī al-Husaynī al-Yunaynī*.

Ada juga pendekatan yang diambil dengan menumpukan kepada takhrij hadith dalam peristiwa tersebut. Pendekatan ini diambil oleh al-Albānī (2000), Nizār °Abd Qādir Rayyān (2001) dan Aḥmad Abū Muslim (2012).

Terdapat juga kalangan ulama yang memfokuskan perbincangan terhadap hadith daif yang terdapat dalam kisah Israk dan Mikraj yang telah disusun oleh ulama yang terdahulu. Pendekatan ini diambil oleh °Amrū °Abd al-Man°am (1993).

Terdapat juga karangan ulama yang menyusun Kitab berkaitan dengan Israk dan Mikraj dalam bentuk plot soal jawab. Soalan yang dikemukakan dijawab dengan pandangan ulama dan dengan membawakan dalil daripada pandangan ulama tersebut. Pendekatan ini digunakan oleh Ibn Ḥajar al-°Asqalānī (2002). Setelah persoalan tentang isu Israk dan Mikraj itu selesai, lalu dibukukan dalam satu buku.

Justeru, dalam kajian ini fokus kajian adalah menyusuri peristiwa Israk dan Mikraj dengan melihat periwiyatan yang dikemukakan oleh sembilan orang Imam hadith dalam buku mereka yang dipanggil sebagai *Sunan Tis°ah*. Fokus kajian pula hanya menyentuh kepada pendidikan yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut untuk dijadikan model dan pedoman kepada umat Islam.

Hal ini kerana jika tumpuan dalam bentuk takhrij hadith atau dalam bentuk penceritaan yang diinginkan, maka sudah memadai dengan membaca buku karangan ulama-ulama seperti yang telah dikemukakan oleh pengkaji.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah untuk menyusuri pendidikan dari peristiwa Israk dan Mikraj dari sumber *Kutub al-Sunnah al-Tis'ah*, iaitu *Kitab Hadith Sembilan*.

### **Metodologi Kajian**

Kajian berbentuk analisis kandungan dengan pemilihan sampel hadith bertujuan. Pencarian hadith menggunakan program *Maktabah al-Shāmilah* versi 3.28 dengan menggunakan kata kunci seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Pencarian Kata Kunci bagi

ليلة أسرى	عرج	السماء	سدرۃ المنتهى	بت المقدس
-----------	-----	--------	--------------	-----------

Hasil daripada pencarian kata kunci tersebut, pengkaji menyusuri dan memilih hadith yang hanya berkaitan dengan peristiwa Israk dan Mikraj. Dengan ketetapan bahawa semua hadith yang selain daripada al-Bukhārī dan Muslim yang mempunyai persamaan dari perawi dan matannya dengan kedua-dua kitab tersebut dikeluarkan daripada senarai pemilihan hadith. Hasilnya pengkaji dapat mengumpul 54 petikan hadith seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Penggunaan hadith dalam peristiwa Israk dan Mikraj

<b>Kitab</b>	<b>Penggunaan Hadith</b>
al-Bukhārī	13
Muslim	15
Abū Dāwud	1
al-Tirmidhī	6
Ibn Mājah	3
al-Nasā'ī	3
Aḥmad	11
Mālik	1
al-Dārimī	1
<b>Jumlah</b>	<b>54</b>

Hadith-hadith terpilih ini kemudian disusun dan dijadikan verbatim data dengan mengekalkan rujukan nombor hadith bagi setiap hadith yang dijadikan data tersebut. Setelah itu, verbatim ini dimasukkan dalam program NVivo 7.0 untuk dianalisis kandungan bagi mencari tema, subtema, dan sub-subtema berkaitan aspek Pendidikan dalam Peristiwa Israk dan Mikraj tersebut. Hasil dapatan kemudian dikeluarkan dalam jadual matriks yang akan dibincangkan dalam dapatan kajian.

Kaedah penganalisan pula dengan menghuraikan jadual matriks yang terhasil daripada dapatan kajian hasil analisis daripada program NVivo 7.0 tersebut dan merujuk kembali kepada teks asal hadith mengikut nombor hadith dan nama imam hadith dan tarikh terbitan buku tersebut. Terdapat dua bentuk penggunaan tema hadith yang dikaji, iaitu menggunakan maksud hadith yang dibina tema dengan merujuk kembali kepada hadith yang telah digunakan atau menggunakan petikan langsung terhadap hadith yang berkaitan bersama dengan rujukannya. Metodologi penghuraian tema hadith dengan menumpukan kepada apa yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī (1987) dan Imam Muslim (2001) sebagai sumber utama.

Seterusnya semua hadith daripada *Kutub al-Tis'ah* yang selain daripada kedua-dua sumber yang mempunyai tema yang sama akan dikeluarkan. Penggunaan kitab hadith sebagai dapatan kajian dalam penghuraian tema selain daripada kitab Imam al-Bukhārī (1987) dan Imam Muslim (2001) hanya akan digunakan jika tema tersebut tiada daripada kedua-dua sumber tersebut. Penggunaan metodologi ini adalah sebagaimana yang digunakan oleh kebanyakan ulama hadith dalam meriwayatkan hadith sebagaimana yang digunakan oleh Imam al-Nawawī (2003).

### Dapatan Kajian

Hasil daripada penganalisan kesemua 54 potongan hadith seperti dalam Jadual 2 dengan menggunakan NVivo 7.0 telah menghasilkan jadual matriks daripada Jadual 2 hingga Jadual 22.

Secara ringkas berdasarkan Jadual 3, terdapat lima tema utama perbincangan hadith tentang Israk dan Mikraj, iaitu prinsip keimanan, amalan baik untuk diamalkan oleh umat Islam, amalan buruk untuk dielak oleh umat Islam, keistimewaan Nabi Muḥammad dan umatnya, dan adab dalam Islam.

Jadual 3 Tema utama perbincangan hadith peristiwa Israk dan Mikraj

Perbincangan utama	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwūd	al-Tirmidhī	Ibn Mājāh	al-Nasā'ī	Aḥmad	Mālik	al-Dārimī
Prinsip keimanan	X	X	0	X	X	X	X	X	0
Amalan baik untuk umat Islam	X	X	0	X	X	X	X	X	0
Amalan bagi umat Islam	0	X	X	0	0	X	X	0	0
Keistimewaan Nabi <i>Ṣallāllahu 'Alaihi Wasallam</i> dan umatnya	X	X	0	X	0	0	X	0	0
Adab dalam Islam	X	X	0	X	0	X	X	0	0

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.



Prinsip keimanan merupakan perbahasan terbesar tema hadith dalam peristiwa Israk dan Mikraj ini. Hal ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Secara ringkas dalam tema prinsip keimanan ini terdapat empat tema yang penting, iaitu yang menyentuh tentang *al-Ulūhiyāt*, *al-Nubuwwāt*, *al-Sam‘iyāt* dan keperluan dalam mempertahankan keimanan. Kesemua prinsip keimanan ini mempunyai pecahan yang diakan dibincangkan dalam jadual yang akan datang.

Jadual 4 Prinsip keimanan yang terdapat dalam peristiwa Israk dan Mikraj

Prinsip keimanan	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwūd	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā’ī	Ahmad	Malik	al-Dārimī
<i>al-Ulūhiyāt</i>	X	X	0	0	0	0	X	0	0
<i>al-Nubuwwāt</i>	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<i>al-Sam‘iyāt</i>	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Mempertahankan keimanan	X	X	0	0	X	X	X	0	0

Keterangan: ‘X’ bermaksud mewakili dapatan kajian.

Prinsip *al-Ulūhiyāt* yang terdapat dalam peristiwa Israk dan Mikraj terdapat tiga tema utama, iaitu menyentuh tentang tidak boleh melihat Allah di dunia, ihsan Allah, dan keimanan Qadha’ dan Qadar Allah. Perbincangan secara mendalam tentang ihsan Allah akan dibincangkan dalam Jadual 6 dan fokus dapatan ialah kepada melihat Allah di Dunia dan keimanan Qadha’ dan Qadar Allah. Berdasarkan hadith Israk dan Mikraj ini bahawa ketika Nabi Muḥammad *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* dimikrajkan beliau tidak berjumpa Allah dalam bentuk berdepan (Muslim 2001, 1:259) dan ketika beliau menghadapNya dan melihatNya, beliau hanya melihat cahaya dengan menafikan dapat melihatNya sebagaimana hadith (Muslim 2001, 1:261):

عن أبي ذر قال سألت رسول الله صلى الله عليه وسلم هل رأيت ربك قال نور أنى أراه.

Maksudnya:

Abū Dhar dia berkata: Aku bertanya kepada Rasulullah *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam*: Apakah kamu melihat Tuhanmu? Beliau menjawab: Hanya cahaya, bagaimana mungkin aku boleh melihatNya.

Oleh itu, secara prinsipnya umat Islam perlu mengimani bahawa manusia ketika di dunia ini tidak mampu melihat Allah secara berdepan. Berdasarkan Jadual 5 juga beriman kepada Qadha' dan Qadar juga merupakan pendidikan utama umat Islam dalam peristiwa Israk dan Mikraj. Nabi *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* ketika bertemu dengan Ādam *ʿAlaihissalam* beliau mendapat di depan Ādam terdapat dua kelompok manusia, satu disebelah kanan dan satu lagi di sebelah kiri. Ketiak Ādam melihat kelompok di sebelah kanan beliau gembira dan sebaliknya ketika melihat kelompok di sebelah kiri beliau menangis. Jibrīl menjelaskan bahawa kelompok manusia di sebelah kanan merupakan anak Ādam yang telah ditetapkan mereka sebagai ahli syurga. Manakala kelompok manusia di sebelah kiri merupakan anak Ādam yang telah ditetapkan mereka sebagai ahli neraka (al-Bukhārī 1987, 2:336; al-Bukhārī 1987, 11:3094; Muslim 2001, 1:237). Oleh itu, keimanan terhadap Qadha' dan Qadar terhadap orang yang bahagia dan orang celaka sememangnya telah ditetapkan oleh Allah *Subhānahu Wataʿālā* kepada manusia. Keyakinan ini perlu disemat dengan kukuh dalam hati tanpa menafikan keperluan manusia mengikut syariat Allah seperti yang ditunjukkan dalam kehidupan Nabi Muḥammad *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* dan mengikut adat tabii peraturan dunia.

Jadual 5 Prinsip *al-Ulūhiyāt* yang terdapat dalam peristiwa Israk dan Mikraj

<i>al-Ulūhiyāt</i>	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwud	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā'ī	Aḥmad	Malik	al-Dārimi
tidak boleh melihat Allah di dunia	0	X	0	0	0	0	0	0	0
Ihsan Allah Beriman pada Qadha' dan Qadar	X	X	0	0	0	0	X	0	0
	X	X	0	0	0	0	0	0	0

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Peristiwa Israk dan Mikraj menggambarkan Ihsan Allah *Subḥānahu Wata'ālā* kepada hambanya yang lemah dan kerdil. Berdasarkan Jadual 6 terdapat enam bentuk ihsan Allah kepada hambanya, iaitu mengurangkan sembahyang dari 50 ke lima waktu sahaja sehari semalam, mengutamakan kualiti sembahyang lebih dari kuantiti (al-Bukhārī 1987, 2:336; Muslim 2001, 1:234; Muslim 2001, 1:237), memberikan ganjaran bagi setiap kebaikan dengan digandakan kepada sepuluh pahala (al-Bukhārī 1987, 2:336; Muslim 2001, 1:234; Muslim 2001, 1:237; Ibn Mājah t.th., 7:2422), sedangkan setiap kejahatan hanya dikira satu. Begitu juga setiap niat yang jahat tidak akan dikira dosa dan sebaliknya bagi setiap niat yang baik pula akan diberikan satu pahala (al-Bukhārī 1987, 2:336; Muslim 2001, 1:234; Muslim 2001, 1:237).

Jadual 6 Prinsip Allah yang Maha Ihsan

Ihsan Allah	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwud	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā'ī	Aḥmad	Malik	al-Dārimi
Mengurangkan sembahyang 50 ke 5	X	X	-	-	-	-	-	-	-
Kualiti sembahyang lebih utama	X	X	-	-	-	-	-	-	-
Setiap kebaikan diganda sepuluh	-	X	-	-	X	-	-	-	-
Setiap kejahatan dikira satu	-	X	-	-	-	-	-	-	-
Niat jahat tidak dikira	-	X	-	-	-	-	-	-	-
Niat baik diberi satu pahala	-	X	-	-	-	-	-	-	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Semua prinsip Allah yang maha Ihsan ini boleh dilihat daripada peristiwa Dia memfardhukan 50 kali sembahyang kepada Nabi Muhammad *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* dan dengan nasihat daripada Nabi Musa, Baginda *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* berulang kali turun dan naik sehingga sembahyang tersebut dikurangkan menjadi lima waktu sahaja dengan penegasan Allah *Subhānahu Wataʿālā* bahawa sembahyang yang lima waktu itu juga akan diberikan pahala kepada umat Baginda sebanyak 50 waktu sebagai asal difardhukan (Muslim 2001, 1:234; Muslim 2001, 1:237). Namun dalam riwayat Ibn Majah (Ibn Mājah t.th., 7:2422) juga terdapat tambahan yang menyokong hadith Imam Muslim, iaitu:

عن أنس بن مالك قال قال رسول الله رأيت ليلة أسرى بي على باب الجنة مكتوبا الصدقة بعشر أمثالها.

Maksudnya:

Anas bin Mālik ia berkata: Rasulullah *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* bersabda: Pada malam aku diisrakkan aku melihat di atas pintu syurga tertulis “Sedekah akan dikalikan menjadi sepuluh kali lipat”.

Terbukti Allah maha ihsan terhadap hambanya bahawa setiap amalan baik yang dilakukan oleh hambanya akan diganjarkan kepada sepuluh kali ganda berbanding dengan seorang hamba yang membuat satu kejahatan hanya akan diberikan dosa satu dosa juga.

Prinsip *al-Nubuwwāt* (Jadual 7) dalam peristiwa Israk dan Mikraj ini berkait rapat dengan keimanan kepada para Nabi dan keimanan kepada mukjizat Nabi.

Jadual 7 Prinsip *al-Nubuwwāt* dalam Peristiwa Israk dan Mikraj

<i>al-Nabuwwāt</i>	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwud	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā'ī	Aḥmad	Mālik	al-Dārimī
Keimanan kepada para Nabi	X	X	-	X	X	X	X	-	-
Keimanan kepada mukjizat Nabi	X	X	-	X	-	-	X	-	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Keimanan kepada Nabi sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 8 banyak diwakili oleh pelbagai hadith kerana Nabi Muḥammad *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* adakalanya berjumpa dengan nabi-nabi tersebut beberapa kali dan dalam pelbagai peringkat sama ada ketika Israk, ketika Mikraj, dan ketika balik daripada kedua-duanya. Keimanan kepada Nabi ini menyentuh kepada keimanan berjumpanya Nabi Muḥammad terhadap semua para nabi di Masjidil Aqsa dengan Baginda *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* menjadi Imam (Muslim 2001, 1:251); berjumpa beberapa kali dengan Mūsā *ʿAlaihissalam* di kuburnya di Bukit Merah sedang sembahyang ketika Israk (Muslim 2001, 12:4378; Aḥmad bin Ḥanbal 1999, 7:3375; Ibn Mājah t.th., 12:4071), ketika di langit keenam (al-Bukhārī 1987, 12:3598), sesetengah riwayat mengatakan langit ketujuh (al-Bukhārī 1987, 12:3598) dan beberapa kali berulang kali bertemu ketika pulang dengan menasihatkan Baginda *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* agar mengurangkan sembahyang di langit keenam (Muslim 2001, 1:234); bertemu dengan Nabi Ibrāhīm di Masjidil Aqsa (Muslim 2001, 1:245; Muslim 2001, 1:251), ketika di langit ketujuh (al-Bukhārī 1987, 2:336; al-Bukhārī 1987, 11:3094; Muslim 2001, 1:234), sesetengah riwayat di langit keenam (al-Bukhārī 1987, 12:3598; al-Bukhārī 1987, 23:6963; Muslim 2001, 1:237; Muslim 2001, 1:238), dan ketika pulang semula daripada menghadap Allah *Subḥānahu Wataʿālā* (al-Nasā'ī 1986, 2:446); dan dua kali bertemu dengan Nabi Isa di Masjidil Aqsa (Muslim 2001,

1:245; Muslim 2001, 1:251) dan di langit kedua (Muslim 2001, 1:234; Muslim 2001, 1:238).

Jadual 8 Keimanan kepada para Nabi dalam peristiwa Israk dan Mikraj

Keimanan kepada Nabi	para	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwud	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā'ī	Aḥmad	Mālik	al-Dārimī
Semua Nabi	para	-	X	-	-	-	-	X	-	-
Nabi Mūsā		X	X	-	-	X	X	X	-	-
Nabi Ibrāhīm		X	X	-	-	X	-	-	-	-
Nabi Ādam		X	X	-	-	-	X	-	-	-
Nabi Hārūn		X	X	-	-	-	X	-	-	-
Nabi Idrīs		X	X	-	-	-	X	X	-	-
Nabi 'Isā		X	X	-	-	X	X	X	-	-
Nabi Yahyā		X	X	-	-	-	X	X	-	-
Nabi Yūsuf		X	X	-	-	-	-	-	-	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Nabi yang lain yang Nabi *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* jumpa ialah Nabi Ādam *ʿAlaihissalam* di langit pertama (al-Bukhārī 1987, 2:336; al-Bukhārī 1987, 11:3094; al-Bukhārī 1987, 12:3598, al-Bukhārī 1987, 23:6963; Muslim 2001, 1:234; Muslim 2001, 1:237; Muslim 2001, 1:238); Nabi Harun di langit keempat (al-Bukhārī 1987, 23:6963; Muslim 2001, 1:238) atau kelima (al-Bukhārī 1987, 12:3598; Muslim 2001, 1:234); Nabi Idrīs di langit kedua (al-Bukhārī 1987, 23:6963) atau langit keempat (Muslim 2001, 1:234) atau langit kelima (al-Nasā'ī 1986, 2:446); Nabi Yahya di langit kedua (al-Bukhārī 1987, 12:3598; Muslim 2001, 1:234; Muslim 2001, 1:238); dan Nabi Yūsuf di langit ketiga (al-Bukhārī 1987, 12:3598; Muslim 2001, 1:234).

Perkara kedua daripada *al-Nubuwwāt* ialah keimanan kepada mukjizat Nabi Muḥammad *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam*, iaitu yang terdiri daripada peristiwa Israk dan Mikraj sebagai salah satu daripada mukjizat yang datang daripada sumber al-Qur'an, hadith dan situasi semasa kaum Quraisy yang menolak kepercayaan terhadap peristiwa tersebut (Jadual 9 dan 10). Prinsip keimanan kepada mukjizat ini perlu dipegang oleh umat Islam bahawa Nabi *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* pergi Israk dan

Mikraj adalah dengan badannya sendiri dan bukan dengan mimpi sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* dalam menerangkan ayat al-Qur’an (al-Tirmidhī 1994, 10:3072):

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Tafsirnya:

Maha suci Allah yang telah memperjalankan hambaNya (Nabi Muhammad *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidil Haram (di Mekah) ke Masjidil Aqsa (Baitul Maqdis di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya supaya memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran dan kekuasaan) Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat (*al-Qur’an*, al-Isrā’ 17:1).

Perkataan *bi ‘abdihi* dalam ayat di atas telah dijelaskan sebagai perginya Israk dan Mikraj Nabi *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* adalah dengan tubuh badannya sendiri dan bukan melalui mimpi.

Jadual 9 Keimanan kepada mukjizat Nabi *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* dalam peristiwa Israk dan Mikraj

Mukjizat	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwud	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā’ī	Aḥmad	Malik	al-Dārimī
Israk dan Mikraj	X	X	-	X	-	-	X	-	-
Melihat Masjidil Aqsa di Mekah	X	X	-	-	-	-	X	-	-

Keterangan: ‘X’ bermaksud mewakili dapatan kajian.

Semua dalil hadith khususnya yang bersumberkan daripada hadith Imam al-Bukhārī (1994) dan Imam Muslim (2001) merupakan bukti bahawa peristiwa ini merupakan peristiwa benar yang perlu diimani oleh semua umat Islam. Manakala sumber ketiga pula daripada dalil situasi yang berlaku iaitu pendustaan kaum Quraisy terhadap peristiwa

tersebut. Jikalau, nabi hanya bermimpi, maka sudah tentu nabi tidak bimbang untuk didustai tetapi sebagaimana hadith (al-Bukhārī 1987, 12:3597; Muslim 2001, 1:249):

عن جابر بن عبد الله أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال لما كذبتني قريش قمت في الحجر فجلا الله لي بيت المقدس فطفقت أخبرهم عن آياته وأنا أنظر إليه.

Maksudnya:

Jābir bin ʿAbd Allah dia berkata, bahwa Rasulullah *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* bersabda: Ketika orang-orang Quraisy mendustakanku, aku berdiri di dalam Hijir. Kemudian Allah memperlihatkan kepadaku Baitul Maqdis. Lalu aku mulai menceritakan kepada mereka tentang tanda-tanda kebesaran Allah. Ketika itu aku memandang ke arah Baitul Maqdis.

Berdasarkan hadith ini, dua manfaat keimanan kepada umat Islam terjelas, iaitu orang Quraisy mendustakan Nabi Muḥammad *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* atas peristiwa mukjizat Israk dan Mikraj menunjukkan bahawa Baginda *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* pergi sendiri dengan tubuh badannya. Apabila kaum Quraisy hendak membuktikan kebenaran tentang peristiwa itu dengan meminta agar Nabi mensifatkan bangunan Baitul Maqdis kerana Nabi belum pernah pergi semenjak sebelum peristiwa tersebut, lalu Allah memberikan kepada beliau mukjizat kedua dengan membentangkan kepada Baginda reka bentuk Baitul Maqdis sehingga mereka mengakui ketepatan apa yang disifatkan oleh Rasulullah *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* tersebut (Ahmad, 1994: 2680).



Jadual 10 Prinsip Israk dan Mikraj Nabi Muḥammad dengan zat dirinya

Peristiwa Israk dan Mikraj	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwūd	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā'ī	Aḥmad	Malik	al-Dārimī
Da'ī al-Qur'an	-	-	-	X	-	-	-	-	-
Da'ī Israhīl	X	X	-	-	-	-	X	-	-
Pendudukan Ghosr	X	X	-	-	-	-	X	-	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Selain keimanan kepada *al-Nubuwwāt*, keimanan kepada perkara *al-Sam'iyāt* (perkhabaran ghaib) juga menjadi pendidikan yang penting kepada umat Islam dalam peristiwa Israk dan Mikraj.

Jadual 11 Prinsip *al-Sam'iyāt* dalam Peristiwa Israk dan Mikraj

<i>al-Sam'iyāt</i>	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwūd	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā'ī	Aḥmad	Malik	al-Dārimī
Percaya kepada Malaikat	X	X	-	X	-	-	X	-	-
Percaya kepada hari Kiamat	X	X	-	-	X	-	X	-	-
Luh Mahfuz	X	X	-	-	-	-	-	-	-
Sidrat al-Muntahā	X	X	-	-	-	X	X	-	-
Bayt al-Ma'mūr	X	X	-	-	-	-	-	-	-
Telaga Kauthar	X	-	-	-	-	-	X	-	-
Syurga	X	X	-	X	-	-	-	-	-
Neraka	X	X	-	X	-	-	-	-	-
Syaitan perosak manusia	-	-	-	-	-	-	X	X	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Berdasarkan Jadual 11, terdapat sembilan perkara *al-Sam'iyāt* yang perlu diimani kewujudannya oleh umat Islam, iaitu percaya kepada kewujudan Malaikat, percaya kepada peristiwa hari Kiamat, percaya kepada kewujudan Luh Mahfuz, Sidrat al-Muntahā, Bayt al-Ma'mūr, Telaga Kauthar, syurga, neraka dan kewujudan syaitan sebagai perosak manusia. Kepercayaan kepada kewujudan malaikat, hari Kiamat dan kewujudan Sidrat al-Muntahā akan dihuraikan dalam jadual berikutnya kerana terdapat pecahan tema daripada ketiga-tiga tema tersebut. Kewujudan Luh Mahfuz seperti yang digambarkan dalam peristiwa Israk dan Mikraj sebagai satu tempat datar (Muslim 2001, 1:237) yang Nabi Muḥammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* terdengar pena yang menulis (al-Bukhārī

1987, 2:336; al-Bukhārī 1987, 11:3000; Muslim 2001, 1:237).

Seterusnya, Bayt al-Ma<sup>c</sup>mūr juga aspek *al-Sam<sup>c</sup>iyāt* yang perlu diimani. Dalam peristiwa Israk dan Mikraj, Baginda *Ṣallallahu <sup>c</sup>Alaihi Wasallam* dibawa ke Langit yang ketujuh dan berjumpa dengan Nabi Ibrāhīm <sup>c</sup>Alaihisalam sedang bersandar di Bayt al-Ma<sup>c</sup>mūr (al-Bukhārī 1987, 12:3598; Muslim 2001, 1:234) dengan keadaan setiap hari 70, 000 malaikat akan masuk ke Bayt al-Ma<sup>c</sup>mūr dan tidak akan kembali semula (Muslim 2001, 1:234).

Selain Bayt al-Ma<sup>c</sup>mūr, Telaga Kauthar juga merupakan perkara yang perlu dimani oleh umat Muḥammad terhadap kewujudannya. Dalam peristiwa Israk dan Mikraj, Nabi *Ṣallallahu <sup>c</sup>Alaihi Wasallam* juga dibawakan ke Telaga al-Kauthar, iaitu satu tempat (semacam) sungai tetapi berbentuk telaga (al-Bukhārī 1987, 15:4582) di atas telaga tersebut ada Istana dari mutiara dan intan, sewaktu Baginda *Ṣallallahu <sup>c</sup>Alaihi Wasallam* mencelup tangannya, terbaulah dengan wangian azfar (al-Bukhārī 1987, 23:6964). Begitu juga ditepi telaga terdapat kubah-kubah yang diperbuat daripada mutiara (al-Bukhārī 1987, 15:4582).

Keimanan kepada kewujudan syurga dan neraka juga adalah pendidikan yang terdapat dalam peristiwa Israk dan Mikraj. Ketika Nabi di Mikrajkan baginda telah di bawa ke syurga. Semasa melalui pintu syurga Baginda *Ṣallallahu <sup>c</sup>Alaihi Wasallam* mendapati di pintu syurga tertulis kelebihan memberi pinjaman berbanding memberi sedekah (Ibn Mājah t.th., 7:2422). Di dalam syurga pula, Baginda *Ṣallallahu <sup>c</sup>Alaihi Wasallam* mendapati terdapat banyak kubah yang dibina daripada mutiara sedangkan tanahnya pula daripada wangian kasturi (al-Bukhārī 1987, 11:3094; Muslim 2001, 1:237). Baginda *Ṣallallahu <sup>c</sup>Alaihi Wasallam* juga telah diperdengarkan dengan bunyi langkah seseorang yang sangat beliau dikenali di dalam syurga,

iaitu Bilal *Radīyallahu ʿAnhu* (Aḥmad bin Ḥanbal 1999, 5:2210), dan sewaktu beliau bertemu dengan Nabi Ibrāhīm, Nabi Ibrāhīm sempat mengiring salam kepada umat Muḥammad dan memberi tahu bahawa syurga tersebut debunya sangat harum, tanahnya lapang, airnya sangat menyegarkan, dan tanaman bagi syurga itu ialah zikir yang empat (al-Tirmidhī 1994, 11:3384). Setelah pergi ke syurga, Rasulullah *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* dibawa ke neraka dan bertemu dengan Malaikat Malik, penjaga Neraka (al-Bukhārī 1987, 11:3000; Muslim 2001, 1:239; Muslim 2001, 1:240; Muslim 2001, 1:251).

Kepercayaan tentang kewujudan syaitan sebagai makhluk yang menutup pintu langit ada diberitakan dalam hadith (Aḥmad bin Ḥanbal 1999, 17:8286) yang menegaskan bahawa jika tidak kerana syaitan yang menghalang langit dari pandangan mata manusia, sudah tentu manusia mampu melihat keajaiban kerajaan langit dan bumi. Syaitan juga dalam bentuk Jin Afrit cuba mengganggu perjalanan Israk Nabi Muḥammad dengan membawa obor. Namun, berkat doa yang diajarkan oleh Jibrīl kepada Nabi yang dibacakan oleh Baginda *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* menyebabkan Syaitan tersebut jatuh tersungkur (Mālik, *Muwattaʿ Mālik* 6:1497).

Keimanan terhadap perkara *al-Samʿiyāt* yang berhubung dengan kepercayaan kepada para Malaikat sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 12 dalam peristiwa Israk dan Mikraj juga didapati melalui penemuan Baginda Rasulullah *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* sendiri dengan Jibrīl sepanjang perjalanan dalam bentuk manusia (al-Bukhārī 1987, 2:336; al-Bukhārī 1987, 11:3094; al-Bukhārī 1987, 11:3305; al-Bukhārī 1987, 12:3598; al-Bukhārī 1987, 23:6963; Muslim 2001, 1:234; Muslim 2001, 1:236; Muslim 2001, 1:237; Muslim 2001, 1:238; Muslim 2001, 1:259) dan dalam bentuk sebenar di Sidrat al-Muntahā (Muslim 2001, 1:260). Dalam perjalanan menaiki langit demi langit Baginda *Ṣallallahu ʿAlaihi*

*Wasallam* bertemu dengan Malaikat penjaga pintu langit di setiap langit pertama hingga ketujuh (al-Bukhārī 1987, 23:6963; Muslim 2001, 1:237) dan di langit ketujuh pula Baginda *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* bertemu pula dengan kumpulan besar Malaikat di Bayt al-Maʿmūr (al-Bukhārī 1987, 12:3598; Muslim 2001, 1:234).

Jadual 12 Prinsip kewujudan malaikat dalam peristiwa Israk dan Mikraj

Percaya kepada Malaikat	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwūd	al-Tirmidhi	Ibn Majah	al-Nasāʾi	Aḥmad	Mālik	al-Dārimi
Jibril	X	X	-	-	-	-	-	-	-
Malaikat penjaga pintu langit	X	X	-	-	-	-	-	-	-
Malaikat di Bayt al-Maʿmūr	-	X	-	-	-	-	X	-	-
Bertemu kumpulan malaikat	X	-	-	X	-	-	-	-	-
Bertemu dua malaikat	X	-	-	-	-	-	-	-	-
Malaikat Mālik	X	X	-	-	-	-	-	-	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Dalam perjalanan Mikraj juga Baginda *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* juga bertemu dengan dua orang Malaikat yang mengajak beliau untuk pergi ke perkampungan para syuhada' sebagaimana yang disebutkan dalam hadith ini (al-Bukhārī 1987, 9:2582):

عن سمرة قال النبي صلى الله عليه وسلم رأيت الليلة رجلين أتياي فصعدا بي الشجرة فأدخلاني دارا هي أحسن وأفضل لم أر قط أحسن منها قالا أما هذه الدار فدار الشهداء.

Maksud:

Samrah: Nabi *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* bersabda: Pada malam (Israk dan Mikraj) aku ditemui oleh dua malaikat yang mengajakku mendaki sebuah pohon lalu keduanya memasukkan aku ke sebuah negeri (kampung) yang terbaik dan paling utama yang belum pernah aku melihat yang lebih baik darinya. Kedua malaikat itu berkata: Adapun

negeri ini adalah kampungnya para syuhada (orang yang mati syahid).

Baginda *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* juga bertemu dengan sekumpulan Malaikat yang berpesan kepada umat Baginda agar mengamalkan amalan berbekam (al-Tirmidhī 1994, 7:1977), dan akhir sekali Nabi *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* berjumpa Malaikat Malik di Neraka (al-Bukhārī 1987, 11:3000; Muslim 2001, 1:239; Muslim 2001, 1:240; Muslim 2001, 1:251).

Keimanan kepada hari kiamat juga termasuk dalam perkara *al-Samʿiyāt* dalam peristiwa Israk dan Mikraj (Jadual 13). Ketika Baginda *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* bertemu dengan Isa beliau diberikan gambaran tentang hari kiamat yang tidak pasti bila berlakunya dengan kedatangan perkara pertama yang berlaku ialah dengan kedatangan Dajjal (Muslim 2001, 1:239; Aḥmad bin Ḥanbal 1999, 7:3375; Ibn Mājah t.th., 12:4071), diikuti Yaʿjuj dan Maʿjuj, pembunuhan orang kafir dengan Nabi Isa sendiri yang membunuh mereka, dan gunung menjadi rata (Aḥmad bin Ḥanbal 1999, 7:3375; Ibn Mājah t.th., 12:4071). Nabi juga diperlihatkan dengan peristiwa kiamat selepas hari kembangkitan (al-Tirmidhī 1994, 10:3072).

Jadual 13 Prinsip keimanan kepada hari Kiamat dalam peristiwa Israk dan Mikraj

Percaya kepada hari Kiamat	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwūd	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasaʿī	Aḥmad	Malik	al-Dārimī
Tidak pasti bila	X	-	-	-	X	-	-	-	-
Dajjal keluar	X	X	-	-	X	-	X	-	-
Pembunuhan kafir	-	-	-	-	-	-	X	-	-
Yaʿjuj dan Maʿjuj	X	-	-	-	X	-	X	-	-
Gunung menjadi rata	-	-	-	-	X	-	X	-	-
Hari selepas kembangkitan	-	-	-	X	-	-	-	-	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Akhir sekali daripada perkara *al-Sam'iyāt* ialah keimanan kepada Sidrat al-Muntahā dengan sifat umumnya sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 14. Berdasarkan jadual ini sifat Sidrat al-Muntahā digambarkan sebagai indah (Muslim 2001, 1:234) atau sangat indah (Aḥmad bin Ḥanbal 1999, 25:12047), diseliputi dengan warna-warni (al-Bukhārī 1987, 2:336; al-Bukhārī 1987, 11:3094; Muslim 2001, 1:237), dan mempunyai dasar yang menerbitkan empat buah sungai dengan dua sungai batin yang mengalir di syurga dan menjadi punca bagi dua sungai Zahir, iaitu Nil dan eufrat di dunia (al-Bukhārī 1987, 12:3598). Sidrat al-Muntaha juga mempunyai hamparan yang diperbuat daripada emas (Muslim 2001, 1:252), katil daripada emas (Aḥmad bin Ḥanbal 1999, 8:3483), sebatang pokok yang mempunyai buah seperti tempayang dengan daun-daunan yang lebar seperti telinga gajah (Muslim 2001, 1:234), dan diliputi pula dengan kupu-kupu emas (al-Nasā'ī 1986, 2:447).

Jadual 14 Sifat Sidrat al-Muntahā dalam peristiwa Israk dan Mikraj

Sidrat al-Muntahā	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwud	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā'ī	Aḥmad	Mālik	al-Dārimī
Indah	-	X	-	-	-	-	X	-	-
Disilimuti	X	X	-	-	-	X	-	-	-
Warna-warni	X	X	-	-	-	X	-	-	-
Dasar Sidrat al-Muntaha	X	-	-	-	-	-	-	-	-
Hamparan emas	-	X	-	-	-	-	-	-	-
Katil dari Emas	-	-	-	-	-	-	X	-	-
Buah	-	X	-	-	-	-	X	-	-
Tempayan	-	X	-	-	-	-	X	-	-
Daun	X	X	-	-	-	-	X	-	-
Telinga Gajah	X	X	-	-	-	-	X	-	-
Diliputi Kupu-kupu Emas	-	-	-	-	-	X	-	-	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Jadual 15 menunjukkan perkara asas dalam mempertahankan keimanan, iaitu dengan mengelakkan kesyirikan, kekufuran, dan menegakkan agama. Syirik menyebabkan seorang Muslim tidak mendapat keampunan terhadap dosa-dosanya sama ada dosa syirik itu sendiri bahkan dosa-dosa yang lain juga. Hal ini kerana seorang yang terpelihara daripada dosa syirik mampu dijamin

keampunan terhadap segala dosanya termasuk dosa besar (Muslim 2001, 1:252) serta ketika kematiannya, Allah mengampunkan segala dosanya (al-Nasā'ī 1986, 2:447). Mempertahan dan mengekalkan keIslaman serta mengelakkan kekafiran dan kemurtadan merupakan perkara kedua kaedah mempertahankan keimanan. Hal ini sebagaimana yang berlaku kepada keluarga Masyitah (Ibn Mājah t.th., 12:4020). Bersifat defensif tidak memadai dalam mempertahankan keimanan, umat Islam dianjurkan untuk bersifat proaktif dalam mempertahankan Islam. Oleh kerana itu, mereka yang mati kerana mempertahankan Islam, mati mereka dianggap sebagai mati syahid dan dikelompokkan dalam satu perkampungan syuhada yang Nabi pernah melawatnya semasa peristiwa Israk dan Mikraj (al-Bukhārī 1987, 9:2582).

Jadual 15 Perkara asas dalam mempertahankan keimanan

Mempertahankan keimanan	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwud	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā'ī	Aḥmad	Mālik	al-Dārimī
Mengelakkan Kesyirikan	-	X	-	-	-	X	X	-	-
Mengelakkan Kekufuran	-	-	-	-	X	-	-	-	-
Mempertahankan agama Islam	X	-	-	-	-	-	-	-	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Berdasarkan dapatan kajian juga terdapat lapan amalan yang digalakkan untuk diamalkan oleh umat Muḥammad *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* dari peristiwa Israk dan Mikraj. Amalan ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 16.

Jadual 16 Amalan yang sangat baik diamalkan oleh umat Muhammad

Amalan untuk umat	baik	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwud	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā'ī	Aḥmad	Mālik	al-Dārimī
Amalan sembahyang	X	X	-	X	-	X	X	-	-	-
mempertahankan agama & Iman	X	-	-	-	X	-	-	-	-	-
Ayat akhir Surah al-Baqarah	-	X	-	-	-	X	X	-	-	-
Tasbih empat	-	-	-	X	-	-	-	-	-	-
Memberi sedekah	-	-	-	-	X	-	-	-	-	-
Memberi pinjaman	-	-	-	-	X	-	-	-	-	-
Berbekam	-	-	-	X	-	-	-	-	-	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Berdasarkan Jadual 16, amalan yang menjadi keutamaan dan menjadi tujuan utama Israk dan Mikraj ialah amalan sembahyang lima waktu sehari semalam (al-Bukhārī 1987, 2:336; al-Bukhārī 1987, 11:3094; al-Bukhārī 1987, 12:3598; al-Bukhārī 1987, 23:6963; Muslim 2001, 1:234; Muslim 2001, 1:237; Muslim 2001, 1:238; Muslim 2001, 1:252). Seterusnya amalan mempertahankan agama dan Iman dengan mati syahid sehingga Allah menyediakan tempat khusus perkampungan para syuhada (al-Bukhārī 1987, 9:2582) dan mendapat kedudukan yang tinggi sehingga Baginda Nabi *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* terbau bau wangi yang datang daripada keluarga Mashitah kerana mati syahid (Ibn Mājah t.th., 12:4020), dan janji Allah *Subḥānahu Wataʿālā* untuk mengampunkan dosa besar yang dilakukan oleh Umat Muhammad dengan syarat tidak melakukan amalan syirik dalam kehidupan mereka (Muslim 2001, 1:252).

Amalan lain yang digalakan untuk umat Islam mengamalkannya ialah amalan pembacaan ayat terakhir surah al-Baqarah (Muslim 2001, 1:252); mengamalkan tasbih empat sebagaimana pesanan Nabi Ibrāhīm kepada umat Muhammad *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* (al-Tirmidhī 1994, 11:3384); memberi pinjaman dan sedekah dengan ganjaran pinjaman 18 kali ganda berbanding sedekah hanya sepuluh kali ganda (Ibn Mājah t.th., 7:2422); dan berbekam sebagaimana yang dipesan oleh sekumpulan para malaikat dalam hadith (al-Tirmidhī 1994, 7:1977):



عن ابن مسعود قال حدث رسول الله صلى الله عليه وسلم عن ليلة أسري به أنه لم يمر على ملا من الملائكة إلا أمروه أن مر أمتك بالحجامة.

Maksudnya:

Ibn Mas'ud ia berkata; Rasulullah *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* berkisah tentang malam beliau Israk Mikraj, dan sesungguhnya tidaklah beliau melalui sekelompok malaikat kecuali mereka semua menyuruh beliau untuk memerintahkan ummatnya berbekam.

Selain amalan yang disuruh, Jadual 17 pula menyenaraikan amalan yang amat ditekankan kepada umat untuk dijauhi. Amalan tersebut ialah syirik, cakap tidak serupa bikin, mengamalkan riba, dan suka mengumpat. Amalan pertama ialah amalan syirik dengan janji Allah *Subhānahu Wataʿālā* memberikan keampunan kepada sesiapa yang mati dalam kalangan umat dengan tidak pernah mensyirikkan Allah *Subhānahu Wataʿālā* (al-Nasāʿī 1986, 2:447) sekalipun pelaku tersebut pernah melakukan dosa besar (Muslim 2001, 1:252). Nabi *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* juga digambarkan keadaan dengan orang yang lidahnya dipotong dengan gunting terhadap amalan umat yang *cakap tidak serupa bikin* (Aḥmad bin Ḥanbal 1999, 25:12391).

Jadual 17 Amalan yang bahaya diamalkan oleh umat Muhammad

Amalan bahaya untuk umat	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwūd	al-Tirmidhi	Ibn Mājāh	al-Nasāʿī	Aḥmad	Mālik	al-Dārimī
Bahaya syirik dari segala dosa	-	X	-	-	-	X	X	-	-
Cakap tidak serupa bikin	-	-	X	-	-	-	X	-	-
Mengumpat	-	-	-	-	-	X	X	-	-
Riba	-	-	-	-	-	X	X	-	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Selain itu, Nabi *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* digambarkan dengan satu kaum yang kuku mereka dari tembaga dan mencakar tubuh badan mereka (Abū Dāwud t.th., 13:4235) serta gambaran orang sedang memakang bangkai (Aḥmad bin Ḥanbal 1999, 5:2210). Kedua-dua gambaran ini merupakan orang yang suka mengumpat (Abū Dāwud t.th., 13:4235; Aḥmad bin Ḥanbal 1999, 5:2210). Amalan terakhir yang amat bahaya kepada umat ialah mengamalkan riba. Pengamal riba dalam peristiwa Israk dan Mikraj digambarkan dengan orang yang perutnya sangat besar yang terkandung di dalamnya ular yang boleh dilihat dari luar (al-Nasāʾī 1986, 7:2264; Aḥmad bin Ḥanbal 1999, 17:8286) serta gambaran orang berenang-renang di tengah sungai dalam masa yang sama dia dilemparkan dengan batu (Aḥmad bin Ḥanbal 1999, 41:9242).

Kajian ini juga mendapati bahawa Nabi Muḥammad *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* dan umatnya mempunyai keistimewaan berbanding dengan umat sebelum Baginda (Jadual 18). Nabi Mūsā menangis mengenangkan umat Nabi Muḥammad lebih ramai yang masuk syurga berbanding dengan umatnya sedangkan umatnya lebih mendahului di dunia berbanding dengan Nabi Muḥammad *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* (al-Bukhārī 1987, 12:3598; Muslim 2001, 1:238). Bahkan sesetengah nabi ada yang tidak mempunyai pengikut langsung dan ada sesetengah nabi pula mempunyai pengikut beberapa orang. Dalam kalangan nabi-nabi itu, pengikut Nabi Mūsā antara yang ramai, namun masih tidak boleh mengatasi jumlah ramainya pengikut Nabi Muḥammad *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam*. Daripada kumpulan pengikut Rasulullah itu, pula terdapat 70 000 umatnya yang masuk syurga tanpa hisab (al-Tirmidhī 1994, 8:2370). Di samping itu juga, Baginda *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* mendapati bahawa bunyi tapak kaki Bilal bin Rabah ketika melawat syurga

sebagai satu kelebihan bilal selaku juruazan (Aḥmad bin Hanbal 1999, 5:2210).

Jadual 18 Keistimewaan umat Nabi Muḥammad *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*

Keistimewaan nabi dan umatnya	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwūd	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā’ī	Aḥmad	Malik	al-Dārimī
Keseluruhan <i>Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam</i> paling banyak pengikut 70,000 umat masuk syurga tanpa hisab	X	X	-	X	-	-	-	-	-
Keistimewaan bilal	-	-	-	-	-	-	X	-	-

Keterangan: ‘X’ bermaksud mewakili dapatan kajian.

Tema terakhir kajian terhadap kitab al-Sunah al-Tis’ah terhadap peristiwa Israk dan Mikraj ialah Adab dalam Islam. Berdasarkan Jadual 19, terdapat tiga adab utama yang boleh diambil pengajaran, iaitu adab bermusafir, ada bertamu, dan adab menerima tetamu.

Jadual 19 Adab dalam Islam

Adab Islam	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwūd	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā’ī	Aḥmad	Malik	al-Dārimī
Adab bermusafir	X	X	-	-	-	X	X	X	-
Adab bertamu	X	X	-	-	-	-	X	-	-
Adab menerima tetamu	X	X	-	X	-	-	X	-	-

Keterangan: ‘X’ bermaksud mewakili dapatan kajian.

Adab yang pertama yang diajarkan dalam peristiwa Israk dan Mikraj ialah adab bermusafir. Berdasarkan Jadual 20 terdapat enam adab utama, iaitu memilih kenderaan terbaik, bermusafir dengan tujuan baik, tidak bersendirian ketika bermusafir, membaca doa pelindung, mendirikan sembahyang di persinggahan dan apabila sampai di destinasi yang dituju, dan memilih makanan yang baik.

Jadual 20 Adab bermusafir

Adab bermusafir	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwūd	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā'ī	Aḥmad	Mālik	al-Dārimī
Pilih kenderaan terbaik	X	X	-	-	-	-	X	-	-
Tujuan baik	X	X	-	-	-	X	-	-	-
Tidak bersendirian membaca Doa Feṣṭuḡ	X	X	-	-	-	-	-	X	-
Sembahyang apabila sampai destinasi	-	X	-	-	-	X	X	-	-
Memilih makanan baik	X	X	-	-	-	-	X	-	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Memilih kenderaan yang terbaik melalui kisah Israk dan Mikraj pula terdiri daripada dua aspek utama, iaitu kepantasan yang sesuai dan kenderaan berkunci (lihat Jadual 21). Kepantasan yang sesuai digambarkan dalam peristiwa bahawa nabi disediakan Buraq mempunyai kepantasan cahaya [meletakkan langkah kakinya pada pandangan mata yang terjauh] (al-Bukhārī 1987, 12:3598; Muslim 2001, 1:238). Buraq ini juga berwarna putih (Muslim 2001, 1:234), sederhana besar antara keldai dan Baghal (al-Bukhārī 1987, 12:3598; Muslim 2001, 1:234), selesa [punggungnya panjang dan lebar] (al-Tirmidhī 1994, 10:3072) yang siap berpelana, dan dalam keadaan sihat [berkeringat] (al-Tirmidhī 1994, 10:3056). Ketika Nabi *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* sampai di Masjidil Aqsa, Baginda *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* telah menambatnya [mengunci] (al-Tirmidhī 1994, 10:3072)

Jadual 21 Pemilihan kenderaan yang baik

Pilih kenderaan terbaik	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwūd	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasā'ī	Aḥmad	Mālik	al-Dārimī
Kenderaan terpantas	X	X	-	-	-	-	X	-	-
Kunci kenderaan	-	-	-	X	-	-	-	-	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Perjalanan seorang Muslim juga mesti baik sebagai Nabi *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* bermusafir yang mempunyai tujuan yang besar, iaitu mengambil tanggungjawab sembahyang, melihat tempat penting di dunia, melihat kerajaan langit, alam barzakh, alam akhirat,

dan mencari pengetahuan untuk umatnya sebagaimana yang telah dibincangkan dalam semua jadual matriks yang lalu. Ketika bermusafir, Nabi *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* tidak pergi bersendirian bahkan ditemani oleh Jibrīl (al-Bukhārī 1987, 2:336; al-Bukhārī 1987, 11:3094; Muslim 2001, 1:234). Beliau juga telah mengamalkan doa pelindung gangguan Jin dan Syaitan yang diajarkan oleh Jibrīl seperti berikut (Mālik, *Muwattaʿ Mālik* 6:1497):

أعوذ بوجه الله الكريم وبكلمات الله التامات اللاتي لا يجاوزهن بر ولا فاجر من شر ما ينزل من السماء وشر ما يعرج فيها وشر ما ذرأ في الأرض وشر ما يخرج منها ومن فتن الليل والنهار ومن طوارق الليل والنهار إلا طارقا يطرق بخير يا رحمن.

Maksudnya:

Aku berlindung dengan wajah Allah Yang Maha Mulia dan dengan kalimatNya yang sempurna, yang tidak dilampaui seorang yang baik maupun pendosa, dari kejahatan yang turun dari langit maupun kejahatan yang naik ke arahnya, dan kejahatan yang tertanam di dalam bumi dan yang keluar darinya. Dari fitnah malam dan siang, dan dari bencana malam mahupun siang kecuali bencana yang mendatangkan kebaikan, Wahai Zat yang Maha Pengasih.

Pada setiap perhentian yang penting beliau melakukan sembahyang seperti Thaibah, Tursina, Bait al-Lahm (al-Nasāʿī 1986, 2:446), Masjid al-Aqsa (Muslim 2001, 1:234; al-Nasāʿī 1986, 2:446). Dalam perjalanan Nabi *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* juga beliau selalu menunjukkan pemilihan minuman yang baik, iaitu susu berbanding yang buruk, iaitu arak (al-Bukhārī 1987, 11:3143; Aḥmad bin Ḥanbal 1999, 5:2210).

Peristiwa Israk dan Mikraj juga mengajar tentang adab bertamu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 22. Pada setiap ketika Baginda *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* masuk melalui pintu langit, Baginda diajar Jibrīl memberi salam, meminta izin masuk, dan Jibrīl memperkenalkan Nabi *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* kepada penjaga pintu langit serta Nabi yang berada di setiap langit (al-Bukhārī 1987, 20:6163; Muslim 2001, 1:238).

Jadual 22 Adab Bertamu di rumah orang

Adab rumah	masuk	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwūd	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasāʿī	Aḥmad	Mālik	al-Dārimī
Memberi salam		X	X	-	-	-	-	-	-	-
Meminta izin masuk		X	X	-	-	-	-	X	-	-
Memperkenalkan diri		X	X	-	-	-	-	X	-	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

Sikap penduduk langit dan para Nabi yang berjumpa Rasulullah *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* selaku menerima tetamu juga boleh dijadikan pedoman kepada umat Muḥammad *Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam* (Jadual 23). Mereka tidak lupa menyambut tetamu dengan penuh gembira (al-Bukhārī 1987, 23:6963; Muslim 2001, 1:234), mendoakan nabi Muḥammad (Muslim 2001, 1:234), memberikan nasihat yang baik, dan berkirim salam kepada umat Muḥammad (al-Tirmidhī 1994, 11:3384).

Jadual 23 Adab menerima tetamu


Adab bertamu	al-Bukhārī	Muslim	Abū Dāwūd	al-Tirmidhī	Ibn Mājah	al-Nasāʿī	Aḥmad	Mālik	al-Dārimī
Menyambut tetamu	X	X	-	-	-	-	X	-	-
Mendoakan tetamu	-	X	-	-	-	-	X	-	-
Memberi nasihat	-	-	-	X	-	-	-	-	-
Kirim salam	-	-	-	X	-	-	-	-	-

Keterangan: 'X' bermaksud mewakili dapatan kajian.

### Implikasi Dapatan Kajian

Dapatan kajian yang dikaji telah menghasilkan satu Model Pendidikan Peristiwa Israk dan Mikraj yang boleh dijadikan pedoman kepada umat Islam sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

## PENDIDIKAN DI SEBALIK PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ



Rajah 1 Model Pendidikan Peristiwa Israk dan Mikraj (Model PePIM)

Berdasarkan model ini agama Islam yang hendak dibina oleh umat mestilah berasaskan Lima tunjang kukuh, iaitu tunjang utama ialah aqidah yang mantap dari segi *al-Ulūhiyāt*, *al-Nubuwwāt*, *al-Sam'iyāt* dan benteng yang kukuh. Tunjang kedua ialah amalan sembahyang wajib yang menjadi tunjang utama amalan Islam dan syiarnya yang diikuti dengan zikir harian, surah harian, muamalat yang betul sesama Islam, dan penjagaan kesihatan. Tunjang ketiga memelihara diri daripada amalan yang paling merosak umat, iaitu syirik, tidak mengamalkan apa yang dicakap, riba, dan mengumpat. Tunjang keempat adalah pemberian Allah kepada umat Muḥammad selaku umat terbaik. Akhir sekali, tunjang kelima Islam berasaskan adab kehidupan syumul.

### Penutup

Artikel ini telah menjelaskan tentang pendidikan di sebalik peristiwa Israk dan Mikraj yang dilihat dari segi latar belakang kajian, metodologi kajian, objektif kajian, hasil dapatan kajian, dan implikasi kajian.

### Rujukan

- °Abd al-Ḥalīm Maḥmūd. 2004. *al-Isrā' wa al-Mi'rāj*. al-Qāhirah: Dār al-Ma'ārif.
- °Abd al-Raḥman al-Najdī. 2004. *Ṣaḥīḥ Qiṣṣat al-Isrā' wa al-Mi'rāj*. °Ammān: al-Dār al-°Uthmāniyah.
- Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash'ath al-Sajistānī. t.th. *Sunan Abī Dāwud*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Abū al-Majd Ḥark. 1991. *al-Isrā' wa al-Mi'rāj: Dirāsah Mawḍū'iyah*. Miṣr: al-Dār al-Miṣriyah al-Lubnāniyah.
- Aḥmad Abū Muslim. 2012. *al-Isrā' wa al-Mi'rāj. Dirāsah Hadithiyah*. <http://www.saaid.net/book/open.php?cat=3&book=9685> [3 Jun 2013].
- Aḥmad bin Ḥanbal. 1999. *Musnad Aḥmad*. t.tp.: Mu'assasat al-Risālah.
- al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn. 2000. *al-Isrā' wa al-Mi'rāj wa Dhikr Aḥādīthuhumā wa Takhrījihā wa Bayān Ṣaḥīḥihā min Saqīmihā*. °Ammān: al-Maktabah al-Islāmiyah.
- °Alī bin Ḥusayn al-Shahrānī . 2008. *Tahqīq al-Nuṣūṣ Juz'ī fī al-Isrā' wa al-Mi'rāj bi al-Nabī li al-Shaykh Taqī al-Dīn Abū °Abd Allah Muḥammad bin °Alī al-Ḥusaynī al-Yunaynī*. Riyād: Majallat Jāmi'ah Umm al-Qurā.
- °Amrū °Abd al-Man'am. 1993. *al-Da'īf min Qiṣṣat al-Isrā' wa al-Mi'rāj*. t.tp.: Dār al-Ṣaḥābat li al-Turāth Baṭanṭā.
- al-Bukhārī, Abū °Abd Allah Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah al-Ja'fī. 1987. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- al-Dārimī, Abū Muḥammad °Abd Allah bin Bahrām. t.th. *Sunan al-Dārimī*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Ibn Ḥajar al-°Asqalānī. 2002. *al-Isrā' wa al-Mi'rāj*. al-Qāhirah: al-Dār al-Ḥadīth.



- Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd Abū ʿAbd Allah al-Qazwīnī. t.th. *Sunan Ibn Mājah*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- al-Maktabah al-Shāmilah*, versi 3.28.
- Mālik bin Anas. 1425H. *Muwattaʿ Mālik*. t.tp.: Muʿassasat Zāyid bin Sulṭān ʿĀlī Nahyān.
- Muḥammad Sulaymān. t.th. *Jamʿi al-Fawāʿid min Jāmiʿ al-Uṣūl wa Majmaʿ al-Zawāʿid*. Bayrūt: Maktabah Ibn Kathīr.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nīsābūrī. 2001. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrūt: al-Maktabah al-ʿAsriyah.
- al-Nasāʾī, Aḥmad bin Shuʿayb Abū ʿAbd al-Raḥman. 1986. *Sunan al-Nasāʾī*. Ḥalab: Maktab al-Matbūʿāt al-Islāmiyah.
- al-Nawawī. 1983. *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Bayrūt: Dār al-Fikr al-Muʿāsir.
- Nizār ʿAbd Qādir Rayyān. 2001. *Aḥādīth al-Isrāʾ wa al-Miʿrāj ʿAraḍ wa Taḥlīl*. Ghazah: Majallat al-Jāmiʿah al-Islāmiyah.
- Ṣaliḥ ʿAbd al-Azīz bin Muḥammad bin Ibrāhīm. 2013. *Kutub al-Sunnah al-Tisʿah* <http://hadith.al-islam.com/Loader.aspx?pageid=261>, [3.06.2012].
- al-Suyūṭī, Abū ʿAbd Allah. 1989. *al-Isrāʾ wa al-Miʿrāj li al-Suyūṭī*. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- al-Tirmidhī, Muḥammad bin ʿIsā Abū ʿIsā al-Tirmidhī al-Sulamī. 1994. *Sunan al-Tirmidhī*. Bayrūt: Dār al-Fikr.